

CABARAN DAKWAH ISLAMIAH DAN MASALAH PERAPI DI SARAWAK¹

Abu Dardaa Mohamad, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Anuar Puteh, Mohd Shahrul Nizam Mohd Saron, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar

ABSTRAK: Dakwah Islamiah ialah suatu usaha pada menyebarkan agama Islam untuk diterima dalam sesebuah masyarakat. Pada melaksanakan usaha ini, terdapat cabaran dan masalah yang perlu dihadapi dengan baik untuk memastikan kelancaran dan keterusannya. Dakwah Islamiah di Sarawak dilihat mempunyai cabaran dan masalah yang pelbagai. Ini terjadi kerana faktor geografi dan etnografinya yang besar. Kertas kerja ini melihat dan menilai cabaran dan masalah yang dihadapi di Sarawak secara umum juga yang dihadapi oleh sebuah organisasi dakwah Islamiah di Sarawak iaitu Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) secara khusus melalui Program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI). Hasil daripada penilaian terhadap cabaran dan masalah yang dihadapi dalam dakwah Islamiah di Sarawak ini diharap dapat memberi nilai tambah kepada usaha yang sedang dijalankan di Sarawak khususnya pada melahirkan modal insan.

PENGENALAN

Sarawak adalah negeri yang terbesar di Malaysia yang hampir menyamai 11 negeri di Semenanjung dengan keluasan 124,449.5 kilometer persegi. Ia terletak di sebelah Barat Pulau Borneo bersempadan dengan negeri Sabah, Negara Brunei dan wilayah Kalimantan, Indonesia. Berpusat di Kuching, wilayah pentadbiran di Sarawak dibahagikan kepada 11 bahagian iaitu Kuching, Sri Aman, Kota Samarahan, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Bintulu, Mukah dan Betong. Setiap bahagian ditadbir oleh seorang Residen. Sarawak juga terkenal dengan kepelbagaian etnik seperti Melayu, Cina, India, Bidayuh, Kenyah, Penan dan lain-lain yang meliputi 37 etnik secara keseluruhannya (Khaidir Ahmad 1993).

Perkembangan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat non-Muslim dari konteks Sarawak dilihat merupakan satu perkara yang positif. Ini adalah hasil pendekatan yang dijalankan oleh pelbagai pihak yang terdiri daripada organisasi dakwah kerajaan dan juga organisasi dakwah bukan kerajaan. Di Sarawak, kerjasama antara organisasi dakwah kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dilihat begitu baik dengan pelbagai aktiviti dan gerak kerja yang dilaksanakan bagi menarik golongan masyarakat non-Muslim untuk menerima Islam.

Hasil dari sumbangan yang diberikan oleh organisasi dakwah samada yang kerajaan dan bukan kerajaan dan juga kerjasama yang baik di antara organisasi-organisasi dakwah yang terdapat di Sarawak telah meningkatkan jumlah masyarakat non-Muslim menerima Islam sebagai agama mereka. Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak (MIS), Datu Putit Matzen telah menyatakan bahawa di Sarawak purata tahunan bagi masyarakat non-Muslim dari pelbagai etnik yang memeluk Islam sejak kebelakangan ini ialah seramai 1,500 orang

¹ Kertas kerja yang dibentangkan di dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 20-21 November 2014

(Utusan Borneo, 13 Mac 2012). Namun, cabaran dakwah Islamiah dan masalah gerakan dakwah di sana tidak boleh diketepikan supaya kelancarannya dapat diteruskan dan penambahbaikan dapat dilakukan.


DAKWAH ISLAMIAH DI SARAWAK


Secara asasnya permulaan dakwah Islamiah di Sarawak adalah berkait rapat dengan kedatangan Islam ke alam Melayu. Tarikh sebenar kedatangan Islam di Sarawak adalah suatu persoalan yang rumit dan perkara yang tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana. Secara khususnya, kedatangan Islam di Sarawak dikatakan mempunyai kaitan yang rapat dengan kehadiran Islam di Brunei. Ini berdasarkan kepada pengaruh Kesultanan Brunei yang begitu kuat dalam mengembangkan syariat Islam di Sarawak di samping Sarawak merupakan sebahagian jajahan wilayah Brunei sebelum kehadiran penjajah Eropah (Md Amin Haji Abdul Rahman 2003). Dakwah Islamiah pada zaman sebelum merdeka sedikit terganggu akibat dari keadaan yang kurang stabil dalam Sarawak hasil dari masalah pentadbiran dan pemberontakan yang meletus pada separuh pertama kurun yang ke 19 Masihi yang telah membuka ruang kepada penjajah British, James Brooke untuk masuk campur urusan pemerintahan di Sarawak sekaligus mengecilkan penguasaan golongan *Sharif* (Keppel 1853).

Walaupun begitu, terdapat perkembangan positif bagi dakwah Islamiah di Sarawak pada zaman penjajahan iaitu penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS) yang lahir daripada idea *Majlis Syuyukh al-Islam*. Idea penubuhan MIS ini telah dicetuskan oleh Datu Imam Abang Haji Morshidi dan pada masa itu dikenali sebagai Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Sarawak yang ditubuhkan pada 17 Disember 1954 di bawah *Oridinance Majlis Islam Incorporation* (Laporan Majlis Islam Sarawak 1983: 1).

Setelah itu, terdapat beberapa organisasi dakwah lain yang bergerak di Sarawak samada yang ditubuhkan di Sarawak atau sebaliknya. Hasil dari penyelidikan yang dilakukan oleh Juanda Jaya (2003), beliau telah melakarkan struktur organisasi-organisasi dakwah di Sarawak sebagai berikut:

Rajah 1: Struktur Organisasi Dakwah di Sarawak





Sumber: Juanda Jaya (2003)

Dilihat secara ringkas menerusi Rajah 1, bahawa organisasi dakwah di Sarawak boleh dibahagikan kepada dua bentuk organisasi yang besar iaitu organisasi dakwah kerajaan dan organisasi dakwah bukan kerajaan. Organisasi dakwah kerajaan Persekutuan memiliki had kuasa yang tertentu di bawah JAKIM Cawangan Sarawak (JCS) di Sarawak. Di bawah seliaan JCS adalah sebuah institusi pengajian iaitu IKMAS dan sebuah pusat latihan, Pusat Latihan Sarawak (PLS) yang mempunyai fungsi tersendiri. Di bawah negeri, organisasi dakwah kerajaan diketuai oleh Majlis Islam Sarawak (MIS) yang berfungsi secara langsung mengendali dan menyelaraskan hal ehwal masyarakat Islam di Sarawak dengan dibantu oleh beberapa organisasi lain iaitu Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), Pejabat Mufti Negeri Sarawak (PMNS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS).

Malahan, di Sarawak juga terdapat organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan yang turut bersama mendokong dan menyokong usaha dakwah. Organisasi dakwah bukan kerajaan di Sarawak terbahagi kepada dua iaitu organisasi dakwah yang berpusat di Semenanjung seperti Angkatan Belia Islam Malaysia Negeri Sarawak (ABIMNS), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia Negeri Sarawak (PERKIMNS) dan Jemaah Islah Malaysia Negeri Sarawak (JIMNS). Manakala, pusat organisasi di Sarawak adalah Harakah Islamiah (HIKMAH) dan Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS). Dalam mengatur fungsi organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan ini, Majlis Perundingan Islam Sarawak ditubuhkan bagi menyelaraskan fungsi-fungsi setiap organisasi. Maka melalui majlis tersebut diputuskan fungsi setiap pertubuhan dakwah tersebut, Harakah Islamiah (HIKMAH) berfungsi menjalankan dakwah di pedalaman, Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS) menjalankan dakwah kepada masyarakat awam, Persatuan Kebajikan Islam Malaysia Bahagian Sarawak (PERKIMNS) diberi tanggungjawab menjalankan dakwah di kalangan kaum wanita dan Angkatan Belia Islam Malaysia Negeri Sarawak (ABIMNS) untuk program-program dakwah di kalangan belia. Penyelarasan ini penting bertujuan agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan aktiviti yang boleh memberi kerugian kepada dakwah Islamiah di Sarawak (Abang Johari 1993).

CABARAN DAKWAH ISLAMIAH DI SARAWAK

Dalam isu cabaran dakwah di Sarawak, artikel ini menyentuh cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh umat Islam dan para *da'ie* khususnya di Sarawak. Perkembangan usaha dakwah Islamiah di Sarawak masa kini menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Dalam membicarakan tentang cabaran dakwah Islamiah di Sarawak ianya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Artikel ini hanya akan membincangkan cabaran-cabaran yang utama dari kedua-dua bentuk cabaran yang perlu ditangani dan dihadapi oleh para *da'ie* dalam menjalankan usaha menyebarkan dan menegakkan dakwah Islamiah di Sarawak.

a. Cabaran dalaman

Antara cabaran-cabaran dalaman dakwah di sarawak adalah seperti berikut:

1. Pertambahan bilangan penganut Islam yang perlahan

Kedudukan kaum Melayu yang beragama Islam sehingga kini masih merupakan masyarakat yang ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum Iban dan kaum Cina. Berkenaan taburan perkembangan Islam dan kependudukan di Sarawak, maklumat-maklumat yang didapati daripada Jadual 1 akan menjelaskan dengan lebih tepat mengenai perkembangan dakwah Islamiah di Sarawak tahun 1991, 2000 dan 2010. Manakala di Jadual 2 akan memberikan butir-butir maklumat peratusan umat Islam di Sarawak dari tahun 1974 hingga tahun 2000.

Jadual 1: Taburan penduduk mengikut etnik utama di Sarawak tahun 1991, 2000 dan 2010.

Tahun/ Etnik	Melayu	Iban	Cina	Jumlah Penduduk Sarawak
1991	20.97%	29.47%	27.68%	1,718,380
2000	23.0%	30.1%	26.7%	2,071,506
2010	24.13%	30.33%	24.5%	2,286,067

Sumber: <http://www.statistic.gov.my>

Jadual 2: Jumlah peratusan masyarakat beragama Islam dan masyarakat beragama Kristian tahun 1974, 1980, 1990 dan 2000.

Agama/ Tahun	1974	1980	1990	2000
Islam	24%	24%	26%	31.3%
Kristian	7.9%	33.4%	40%	42.6%

Sumber: <http://www.statistic.gov.my>

Jadual 1 menunjukkan kaum Melayu yang keseluruhannya beragama Islam masih merupakan kaum yang ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum Iban dan kaum Cina pada 1991. Namun, peningkatan peratusan kaum Melayu adalah lebih tinggi dengan kenaikan

1.13% berbanding dengan kaum Iban (0.23%), manakala bagi kaum Cina mengalami penurunan sebanyak 2.2% bagi data bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2010. Perkembangan ini menunjukkan satu perkembangan yang positif di Sarawak. Jadual 2 pula menunjukkan peratusan penganut beragama Islam dan penganut beragama Kristian. Di mana, peratusan perkembangan penganut beragama Islam sehingga tahun 2000 hanya sebanyak 7.3% berbeza dengan perkembangan bagi penganut agama Kristian yang melonjak dengan begitu tinggi iaitu sebanyak 34.7%. Margin yang begitu luas dan ketara ini adalah disebabkan proses Kristianisasi yang sangat pesat dan aktif telah digerakkan di Sarawak. Menurut Peter Tinggom (1993), peningkatan mendadak penganut Kristian di Sarawak adalah hasil daripada misi Kristian di kalangan kaum Iban di mana pada tahun 1960 bilangan yang menganut agama Kristian hanya 11.19%, meningkat 7.71% (18.9%) pada tahun 1970 dan pada tahun 1980 peningkatan penganut agama Kristian di kalangan masyarakat Iban melonjak dengan begitu tinggi sehingga 70%.

2. Sumber tenaga manusia dan sumber kewangan

Sekiranya kegiatan dakwah hendak disebar dengan luas dan pesat maka sudah semestinya sejumlah dana yang besar diperlukan bagi menjayakannya. Namun di Sarawak, keadaan perkembangan dakwah Islamiah banyak bergantung kepada dana yang dimiliki oleh organisasi-organisasi dakwah kerajaan sama ada dari pihak kerajaan persekutuan dan pihak kerajaan negeri. Di samping itu, organisasi-organisasi dakwah kerajaan juga mempunyai sumber tenaga manusia yang banyak. Keadaan ini begitu jauh berbeza dengan organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan iaitu pihak-pihak NGO seperti HIKMAH, ABIMNS, PERKIMNS dan PERKIS. Terutama dari segi sumber kewangan yang menjadi kekangan utama kepada organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan dalam menggerakkan dan menguatkan kegiatan dakwah Islamiah di Sarawak.

Juanda Jaya (2003), menyatakan bahawa hasil dari kajian beliau terhadap 221 orang responden daripada 8 buah organisasi dakwah pada tahun 2001 mengenai tahap sumber tenaga manusia di dalam organisasi dakwah di Sarawak menunjukkan hanya 50.3% daripada responden bersetuju bahawa sumber tenaga manusia bagi menjalankan dakwah di Sarawak adalah mencukupi dan selebihnya (49.7%) tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa perlunya organisasi-organisasi dakwah kerajaan mahu pun bukan kerajaan lebih menguatkan dan meningkat daya usaha ke arah membangunkan kedua-dua sumber penting ini dalam mencapai matlamat mengembangluaskan dakwah Islamiah di Sarawak.

3. Kurang penyelarasan aktiviti dakwah

Cabaran atau isu dakwah di Sarawak yang seterusnya adalah berkaitan penyelarasan aktiviti dakwah yang dijalankan di Sarawak. Bagi menyelesaikan hal ini perlunya kepada penyelarasan agar tidak berlaku pertindihan aktiviti sesama organisasi-organisasi dakwah yang wujud di Sarawak. Dalam perkara ini memerlukan tindakan daripada pihak berkuasa negeri iaitu kerajaan negeri melalui kementerian, majlis atau jabatan yang berkuasa atas hal ehwal agama Islam di Sarawak memanggil dan mengumpulkan kesemua organisasi dakwah yang terlibat di dalam sebuah mesyuarat. Menurut Abang Johari (1993), sebuah mesyuarat telah dilaksanakan berkaitan penyelarasan aktiviti dakwah oleh organisasi-organisasi dakwah di Sarawak dan hasil daripada itu tertubuhnya Majlis Perundingan Islam Sarawak (MAPIS) yang mana Majlis Islam Sarawak dilantik sebagai urus setia MAPIS. Namun, dukacitanya

hasrat ini tidak tercapai dan tidak terlaksana disebabkan tiada usaha dan kesungguhan semua pihak terlibat untuk merealisasikan penyelarasan ini.

4. Cabaran mengenai tahap pendidikan, penghayatan agama serta keterikatan kepada adat dan budaya agama lama

Isu tahap pendidikan terutama pendidikan formal dalam bidang agama di kalangan umat Islam di Sarawak merupakan antara masalah yang besar. Walaupun kerajaan sama ada pihak kerajaan persekutuan atau pihak kerajaan negeri telah menyediakan dan membangunkan sekolah-sekolah agama namun usaha ini dilihat masih belum mencukupi untuk menyelesaikan isu berkenaan. Apa yang lebih dikesali adalah di mana disebabkan tahap pendidikan agama ini membawa kepada masalah penghayatan Islam dalam kehidupan. Dapat dilihat isu-isu pelanggaran dan pengabaian syariat Islam semakin membimbangkan dan merisaukan masyarakat Islam di Sarawak. Perkara-perkara ini memberi kesan kepada kegiatan dakwah yang sememangnya telah dibebani dengan isu-isu dan tugas-tugas lain. Di samping itu, termasuk dalam perkara-perkara sebelum ini adalah masyarakat Melayu dan saudara kita masih terikat dan terpengaruh dengan adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam.

b. Cabaran Luaran

Manakala, antara cabaran luaran dakwah di Sarawak adalah seperti berikut:

1. Bentuk muka bumi yang luas dan polar penempatan yang berselerak

Keluasan bentuk muka bumi negeri Sarawak yang hampir menyamai keluasan bentuk muka bumi negeri-negeri yang berada di tanah besar Semenanjung Malaysia menjadikan ianya satu cabaran kepada usaha dakwah Islamiah yang menyeluruh. Keadaan demografi kependudukan yang berselerak menambah lagi kesukaran menyampaikan seruan dakwah kepada mereka. Terdapat sesetengah kawasan di pedalaman Sarawak yang masih lagi tidak mempunyai asas kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, elektrik, air dan lain-lain. Sesetengah kawasan pula hanya dapat dihubungi dengan menggunakan bot ekspres atau sampan melalui sungai dan menggunakan perkhidmatan kapal terbang melalui jalan udara. Cabaran yang hebat ini semakin terasa dengan keadaan sumber tenaga dan kemampuan dana kewangan dakwah yang ada. Ini kerana melaksanakan dan menjalankan kegiatan dakwah di pedalaman menelan perbelanjaan yang banyak dan besar. Sebahagian besar perbelanjaan adalah bagi menampung kos pengangkutan dan kos-kos keperluan yang lain sahaja. Oleh yang demikian, situasi ini akan menyulitkan kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti dakwah dilakukan secara kerap.

2. Kepelbagaian budaya, adat, bahasa dan kepercayaan

Keunikan masyarakat di Sarawak antaranya adalah kepelbagaian budaya dan adat mereka. Negeri Sarawak dihuni oleh 27 etnik dan kaum yang pelbagai antaranya Iban, Bidayuh, Melanau dan lain-lain. Sudah pasti setiap etnik mempunyai bahasa, budaya dan adat masing-masing. Keadaan ini menyebabkan para *da'ie* sukar dan susah untuk berdakwah sekiranya

mereka kurang arif dan mahir tentang budaya, bahasa dan adat mereka. Latarbelakang ini juga menghasilkan kepercayaan yang pelbagai yang memberi satu cabaran yang hebat kepada para pendakwah di Sarawak.

CABARAN DAN MASALAH PERAPI DI SARAWAK

PERAPI adalah Program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI) yang dijalankan oleh pihak Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) sejak 2005 di Sarawak telah hampir berusia 10 tahun. Pelbagai cabaran dan masalah yang timbul dalam tempoh tersebut dihadapi oleh pihak IKMAS semata-mata dalam usaha untuk melahirkan *da'ie* dari kalangan anak-anak 'saudara kita'² di Sarawak. Tugas yang dipikul oleh IKMAS ini bukanlah satu tugas yang mudah sekiranya hala tuju program ini kurang jelas. Hala tuju yang jelas mengurangkan beban yang digalas dan secara tidak langsung membantu IKMAS dan PERAPI dalam menghadapi setiap cabaran dan masalah yang timbul. Ini bertujuan untuk mencapai objektif penubuhan program khususnya dan yang paling utama adalah untuk mengembangkan dan meninggikan syiar dakwah Islamiah di Sarawak.

Pihak IKMAS berhadapan beberapa isu berkenaan PERAPI. Di sana terdapat cabaran dan masalah yang perlu dihadapi dengan baik.

a. Cabaran

Antara cabaran-cabaran yang dikenalpasti dihadapi oleh pihak IKMAS dalam melaksanakan dan menjalankan program PERAPI ini adalah seperti berikut:

1. Cabaran di kalangan keluarga dan masyarakat saudara kita

Perspektif dan keyakinan pihak keluarga dan komuniti masyarakat saudara kita merupakan antara cabaran-cabaran yang perlu ditangani dengan berhemah dan berhikmah. Terutama daripada ibu bapa pelajar berkenaan yang mungkin berasa ragu dan gusar terhadap faedah serta manfaat daripada mengikuti program tersebut bagi anak-anak mereka. Keadaan ini terbukti apabila dilihat kepada bilangan permohonan dan kemasukan pelajar-pelajar dari kalangan anak-anak saudara kita semakin merosot dari tahun ke tahun sejak kebelakangan ini. Situasi ini perlu segera diberi perhatian oleh pihak IKMAS kerana asas program ini dilancarkan adalah untuk melahirkan *da'ie* dari kalangan anak-anak saudara kita.

2. Cabaran institusi pengajian

Pihak IKMAS sebagai pihak yang menjalankan program pengajian menghadapi cabaran yang besar di mana program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI) ini masih tidak diiktiraf dan diperakui oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Keadaan ini memungkinkan program berkenaan kurang mendapat sambutan daripada golongan sasaran kerana sesebuah program tanpa diiktiraf dan diakui

² Sarawak menggunakan istilah Saudara Kita bagi menunjukkan kepada muallaf berbanding negeri-negeri lain yang menggunakan istilah Saudara Baru.

sudah pasti ianya tidak akan dapat bertahan lama dan mempunyai potensi besar untuk tidak melayakkan pelajar-pelajarnya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

3. Cabaran ekspektasi terhadap keberhasilan program

Jangkaan dari masyarakat dan jabatan yang amat tinggi terhadap keberhasilan yang membanggakan menerusi program ini dilihat memberikan satu cabaran terhadap IKMAS. Dengan hanya memiliki dan mempunyai tahap pendidikan di peringkat persijilan dianggap sudah boleh menjalankan dakwah sebagaimana kumpulan yang sudah lama berkecimpung dalam dunia penyebaran dakwah Islamiah. Ekspektasi sebegini jika dilihat dari sudut positif memberikan gambaran bahawa penerimaan terhadap pelajar lepasan program ini begitu positif sekali. Namun, bagi pelajar ianya memerlukan tempoh masa bagi menimba pengalaman di samping yang sama perlu menambah dan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri dari semasa ke semasa sama ada melalui pendidikan secara formal melalui melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya atau tidak formal iaitu menerusi kaedah menimba pengalaman dari para *da'ie* yang berpengalaman.

b. Masalah

Antara masalah-masalah PERAPI di Sarawak dan khususnya di IKMAS sebagai institusi yang mengelolakan program berkenaan adalah:

1. Masalah tenaga pensyarah

Menurut Rabaie Fauzi (2012), menerusi hasil temu bual beliau dengan pengetua IKMAS iaitu Hajjah Norhayati Jaffri telah menyatakan beberapa permasalahan yang dihadapi oleh IKMAS dalam menjalankan setiap program yang ada di IKMAS. Bukan sahaja masalah-masalah ini hanya wujud di peringkat persijilan iaitu program PERAPI tetapi juga di peringkat diploma. Antara masalah yang sehingga kini membelenggu program-program yang ditawarkan dan dijalankan di IKMAS adalah ketiadaan tenaga pensyarah tetap dan mahir.

Masalah ketiadaan tenaga pensyarah tetap dan mahir merupakan satu masalah yang sudah berulang kali dibangkitkan oleh pihak IKMAS kepada pihak jabatan dalam menjamin kualiti dan menjaga *standard* pelajar yang dihasilkan. Keadaan ini sudah berlanjutan sehingga kini, iaitu hampir 15 tahun IKMAS ditubuhkan dan beroperasi di Sarawak. Selama itu juga IKMAS bergantung kepada tenaga pensyarah yang terdiri dari kalangan pegawai-pegawai IKMAS di samping pensyarah-pensyarah sambilan yang dilantik bagi menjalankan fungsi pengajaran dan pembelajaran yang disusun. Kebergantungan IKMAS kepada pensyarah dalaman dan sambilan ini sedikit sebanyak memberi kesan kurang baik terhadap mutu dan kualiti produk yang akan dihasilkan. Ini sendiri akan menjadikan objektif penubuhan IKMAS dan objektif program sukar untuk direalisasikan. Malahan Ismail Abdul Rahman dan Mohd Nasir Omar (1991: 54-56) juga mengakui bahawa kekurangan sumber manusia terlatih antara masalah yang sering dihadapi oleh organisasi dakwah di Malaysia.

Puncanya adalah kerana pensyarah-pensyarah dalaman dan sambilan yang dilantik tidak dapat memberikan sepenuhnya komitmen terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan pelajar yang diajar. Ini kerana kekangan dan bebanan tugas lain yang juga

memerlukan perhatian sewajarnya. Oleh sebab itu, kualiti pengajaran yang disampaikan kurang mencapai dan menepati keperluan pembelajaran. Ini diakui oleh seorang pelajar program PERAPI, Katisa Mohd Intai (Temubual, 31 Januari 2013) yang menyatakan bahawa silibus dan isi kandungan program adalah sesuai dan boleh diterima oleh kumpulan sasaran tetapi memerlukan tenaga pengajar yang lebih terlatih dan mahir terutamanya dari segi untuk menghuraikan isi kandungan agar lebih difahami oleh pelajar.

2. Masalah sumber tenaga manusia

Kekurangan sumber tenaga dalam menjalankan operasi pengurusan dan pentadbiran IKMAS adalah merupakan salah satu daripada masalah-masalah yang secara tidak langsung membabitkan setiap program yang dijalankan termasuklah program PERAPI. IKMAS pada masa kini hanya memiliki 15 orang kakitangan tetap yang terdiri daripada 6 orang pegawai dan 9 orang kumpulan sokongan. Situasi ini amat kurang relevan sekiranya dilihat dari segi bebanan dalam mengurus dan menyelia atur sebuah institusi pengajian yang menawarkan 2 buah program di peringkat diploma dan 1 buah program di peringkat persijilan.

Kakitangan yang bertugas di IKMAS terpaksa menanggung bebanan tugas yang berganda dan situasi ini diakui oleh ustaz Shahibol Sharee, Penolong Pegawai Penyelaras Bahagian Kemahiran dan Latihan *Da'ie* (BKLD), IKMAS (Temubual, 30 Mei 2013). Menurut beliau, program PERAPI adalah di bawah seliaan BKLD bersama dengan 3 buah program kemahiran yang merangkumi bengkel binaan bangunan, bengkel fabrik jahitan dan bengkel pemprosesan makanan. Di samping itu, BKLD bertanggungjawab ke atas setiap program latihan *da'ie* antaranya latihan khutbah, usrah, *fiqh mu'assarah* dan lain-lain. Bagi mengawal selia program-program yang disebutkan di atas, BKLD secara hakikinya mempunyai 2 orang kakitangan sahaja iaitu 1 orang pegawai dan 1 orang penolong pegawai. Oleh yang demikian itu, secara logiknya untuk setiap program mencapai tahap objektif, kualiti dan standard yang terbaik sebagaimana dikehendaki amat sukar sekiranya masalah dari aspek kekurangan sumber tenaga manusia bagi menjalankan fungsi di setiap bahagian-bahagian yang ada di IKMAS tidak ditangani dengan segera. Permasalahan ini perlu diambil perhatian oleh pihak atasan jabatan agar usaha melahirkan *da'ie* yang berkualiti dan profesional tercapai.

3. Masalah pengambilan pelajar di kalangan anak-anak saudara kita

Isu pengambilan pelajar di kalangan anak-anak saudara kita mulai timbul sejak 5 tahun kebelakangan ini. Di mana dapat dilihat kekurangan pelajar dari kalangan anak-anak saudara kita yang memohon untuk memasuki ke program PERAPI. Antara punca atau sebab keadaan ini berlaku adalah mungkin kerana hala tuju program yang semakin menyimpang dari tujuan asalnya iaitu melahirkan *da'ie* dari kalangan anak-anak saudara kita. Selain itu, kesukaran graduan lepasan program persijilan ini untuk mencari dan mendapat peluang pekerjaan juga antara punca kurangnya permohonan kemasukan dari kalangan anak-anak saudara kita. Di samping itu, terdapatnya segelintir ibu bapa yang berpandangan bahawa program ini tidak begitu meyakinkan mereka. Kemungkinan juga kurangnya kegiatan promosi yang dijalankan di kawasan masyarakat saudara kita juga boleh dikatakan antara salah satu punca kenapa permasalahan pengambilan pelajar di kalangan anak-anak saudara kita bagi mengikuti program PERAPI ini semakin merosot.

4. Masalah prospek menyambung pelajaran

Keinginan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi merupakan impian setiap pelajar termasuklah bagi mereka yang mengikuti program PERAPI ini. Islam sendiri menyarankan umatnya untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak mana yang mampu dan sesungguhnya kita dapati banyak ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran yang menyatakan kelebihan bagi orang yang berilmu.

Namun dalam dunia moden kini, untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bukan setakat keinginan dan keazaman sahaja yang diperlukan malahan lebih daripada itu. Status sijil yang dimiliki oleh seseorang itu akan menentukan apakah beliau layak atau tidak untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat yang seterusnya. Tetapi apa yang menjadi permasalahan di sini adalah status sijil program PERAPI ini yang tidak diakui dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Situasi ini memberikan kesan negatif yang besar terhadap perkembangan dan kelancaran program PERAPI itu sendiri secara tidak langsung. Perkara ini dinyatakan oleh Ustaz Shahibol Sharee dalam temubual bersama beliau (Temubual, 30 Mei 2013).

5. Masalah prasarana dan fasiliti

Sesebuah institusi pengajian seperti IKMAS sudah pasti akan menyediakan prasarana dan fasiliti yang sebaik mungkin. Namun, setelah hampir 15 tahun IKMAS beroperasi keadaan prasarana dan fasiliti yang disediakan sudah semakin berkurangan dan uzur. Pertambahan pelajar dan program di IKMAS menjadikan masalah ini perlu kepada perhatian yang sewajarnya oleh pihak jabatan.

Kemudahan penginapan, bilik kuliah, perpustakaan dan kenderaan jabatan adalah antara beberapa prasarana dan fasiliti yang perlu ditambah baik oleh pihak pengurusan. Sebagai contoh bilik penginapan bagi pelajar di IKMAS sudah semakin sempit kerana pertambahan program dan pelajar. Keadaan ini memaksa pihak pengurusan menggunakan bilik kediaman peserta kursus di Pusat Latihan Sarawak (PLS) sebagai tempat penginapan pelajar IKMAS bagi program Diploma Tahfiz *wal* Dakwah. Selain itu, perpustakaan IKMAS juga memerlukan bahan-bahan rujukan yang baru dan bermutu bagi tujuan kegunaan pelajar IKMAS menjalankan carian bahan rujukan dan bacaan mereka. Ini kerana selain mendapat input tentang ilmu-ilmu pengajian Islam menerusi pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik kuliah, perpustakaan juga adalah salah satu sumber ilmu yang boleh didapati daripada bacaan. Oleh yang demikian, proses membentuk anak-anak saudara kita yang mengikuti program PERAPI menjadi *da'ie* yang berilmu akan bertambah senang dan cepat. Keselesaan bilik kuliah juga perlu diambil berat dengan membuat penambahbaikan. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak IKMAS dalam menyediakan suasana belajar yang selesa dan baik. Kekurangan dan kurang sesuai kenderaan jabatan di IKMAS menyebabkan kakitangan IKMAS terpaksa menggunakan kenderaan sendiri atau menyewa kenderaan yang bersesuaian untuk membawa pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dirangka dan dirancang. Kesemua masalah yang diutarakan di atas adalah berpunca daripada kekangan sumber kewangan institut yang terhad di samping karenah prosedur yang *rigid* dan ketat. Keadaan ini diakui oleh Pengetua IKMAS tentang permasalahan prasarana dan fasiliti yang mengganggu dan mengekang kelancaran program di IKMAS (Rabaiee Fauzi 2012).

c. Masalah-masalah dakwah kepada saudara kita di Sarawak

Dalam menjalankan dakwah kepada saudara kita, terdapat pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi oleh organisasi dakwah di Sarawak. Antara masalah-masalah dakwah kepada saudara kita di Sarawak adalah seperti berikut:

1. Masalah kelemahan penyelarasan tugas antara pelbagai organisasi dakwah

Kelemahan penyelarasan tugas antara pelbagai organisasi dakwah di Sarawak telah menjadikan fungsi setiap organisasi kurang berkesan dalam sesetengah perkara antaranya perkara pengurusan saudara kita. Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), iaitu jabatan agama kerajaan negeri yang memiliki autoriti terhadap hal ehwal berkaitan urusan agama di Sarawak masih belum menggunakan sepenuhnya peranan dan kuasa yang diberikan kepada mereka. Walaupun memiliki unit Kebajikan Saudara Kita di bawah Bahagian Dakwah namun penjelasan tentang bidang tugasnya amat terbatas. Ini adalah berpunca dari sikap berhati-hati dalam setiap perkara yang dilaksanakan.

Karia Rahmat (2000) telah memetik kenyataan pegawai JAIS yang mengakui bahawa adalah merupakan tanggungjawab JAIS dalam hal ehwal menyelaraskan, mendaftar dan merekod pengislaman masyarakat bukan Islam yang hendak memeluk Islam. Namun begitu, JAIS yang merupakan sebuah jabatan rasmi kerajaan negeri dikatakan hanya berfungsi sebagai orang kedua dalam kegiatan dakwah kepada masyarakat non-Muslim di Sarawak. Peranan utama dalam kegiatan berkenaan dimainkan oleh badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO). Menurut Mohd Fauzi Mohidin (2002), terdapat kebenaran secara lisan (*verbal*) kepada pihak NGO untuk bertindak bebas dalam membantu proses pengislaman dan pendaftaran mereka yang baru memeluk agama Islam. Namun begitu kebenaran yang diberikan kabur, malahan beliau yang merupakan Pegawai Dakwah Pedalaman HIKMAH menyatakan bahawa kesulitan birokrasi ini adalah antara punca kepada kurang berlakunya proses pengislaman di Sarawak dan ia perlu diambil perhatian sewajarnya dengan pantas.

2. Masalah birokrasi

Menurut Karia Rahmat (2000), masalah birokrasi ini adalah hal-hal berkaitan memproses keislaman seseorang saudara kita. Terdapat perkara-perkara atau prosedur-prosedur yang dilaksanakan menyulitkan golongan saudara kita. Antaranya adalah proses temuduga yang kadang kala bersifat prasangka, borang pengislaman, gambar berukuran pasport serta wang bayaran yang wajib diisi dan disediakan sendiri. Malah Suharman Edward (2002), Pegawai Unit Ukhuwwah JAIS menyatakan bahawa saudara kita yang sudah lama memeluk Islam tetapi belum mendaftar diwajibkan juga untuk mengucapkan dua kalimah syahadah semula sebelum pendaftaran dilaksanakan. Masalah sebegini juga berlaku kepada organisasi dakwah lain yang bergiat dalam pengislaman antaranya adalah Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di Semenanjung Malaysia. Hal-hal seperti ini yang membawa persepsi negatif di kalangan masyarakat non-Muslim dan saudara kita terhadap Islam.

3. Masalah perkahwinan

Masalah dari aspek perkahwinan sama ada perkahwinan baru atau perkahwinan semula di kalangan saudara kita juga antara masalah yang timbul dalam pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di Sarawak. Mereka terpaksa datang ke Bandar Kuching hanya kerana untuk upacara perkahwinan ini. Mohd Fauzi Mohidin (2002), menyatakan bahawa hal ini menyebabkan mereka mengambil tindakan sendiri iaitu menjalankan upacara perkahwinan adat '*belah pinang*' di mana masyarakat non-Muslim turut melakukannya.

4. Masalah kurang usaha pendakwaan dan program susulan

Usaha pendakwaan non-Muslim dan mengadakan program susulan terhadap golongan saudara kita perlu dijadikan agenda utama bagi setiap organisasi dakwah di Sarawak. Ini bertujuan menjaga dakwah Islamiah pada masa hadapan kerana masyarakat yang beragama Islam di Sarawak merupakan golongan minoriti jika dibandingkan dengan penganut Kristian. Dahulu usaha pendakwaan ini telah dilakukan oleh Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) yang kini dikenali sebagai HIKMAH di bawah kepimpinan Abdul Rahman Ya'kub. Sepanjang tempoh di bawah kepimpinan beliau banyak kejayaan telah dicapai oleh Islam antaranya berjaya mengislamkan 11 ribu orang masyarakat non-Muslim (Shaharudin Yusuf 1990). Selain itu, sehingga tahun 1985 terdapat 20 perkampungan saudara kita dibina oleh BINA di mana 17 daripada perkampungan tersebut memiliki masjid dan surau (Anis Abot 1986). Proses asimilasi saudara kita dengan kehidupan Islam dilaksanakan oleh para *da'ie* sepenuh masa yang ditempatkan di perkampungan-perkampungan tersebut.

Program-program susulan ke atas golongan saudara kita juga berkurangan sejak 1985 kerana kemerosotan ekonomi dunia. Disebabkan oleh situasi demikian, sumber kewangan BINA pada masa itu turut menerima impaknya. Segala program susulan seperti usaha meningkatkan tahap pendidikan anak-anak saudara kita terutama berkaitan pengetahuan Islam dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain mulai terbantut. Oleh yang demikian itu, usaha bersepadu oleh semua organisasi dakwah yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan mampu perlu bekerjasama dan menyaingi usaha pihak Kristian di Sarawak yang dibiayai oleh Amerika Syarikat dan Eropah (Mortadza Daud 1986).

KESIMPULAN

Kesimpulannya secara tuntas boleh dikatakan bahawa program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI) yang diusahakan oleh Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) adalah merupakan satu usaha yang baik dan perlu diteruskan serta dikembangkan. Ini adalah bertujuan memberikan satu nilai tambah di dalam dunia dakwah Islamiah di Sarawak dengan menjadikan anak-anak saudara kita ini sebagai *da'ie* pada masa hadapan yang dilahirkan dan dibentuk melalui program PERAPI. Mereka ini akan menjadi generasi yang akan membentuk masyarakat saudara kita yang berilmu, beriman dan bertaqwa dan mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian mereka sebagaimana konsep yang dilaungkan iaitu *Islam is way of life*. Namun, setiap usaha yang dijalankan tidak akan berlaku semudah yang dijangka. Pelbagai cabaran dan masalah yang perlu dihadapi dengan hikmah dan bijaksana oleh setiap pihak. Oleh yang demikian itu, kerjasama dari semua pihak dan juga dari semua peringkat amat diperlukan bagi memastikan objektif dan matlamat program yang murni ini mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan dan diimpikan. Semoga usaha murni ini akan menjadi satu realiti dan seterusnya mengembangkan dan menjadikan agama Islam sebagai sebuah agama yang pesat dan aktif berkembang di Malaysia dan Sarawak khususnya.

RUJUKAN

- Abang Haji Abdul Rahman Johari Tun Abang Haji Openg. 1993. *Perlunya gerakan dakwah bersepadu di Sarawak*. Kertas kerja Seminar Wawasan Dakwah BINA Abad ke 21. 17 September.
- Anis Abot. 1999. *Islam di Sarawak*. Kertas kerja buku Cenderamata Kongres Pembangunan Masyarakat Islam Sarawak. Kuching, 5 Oktober.
- Henry Keppel, Sir. 1853. *A visit to the Indian Archipelago*, in H.M. ship Maeander: with portions of the private journal of Sir James Brooke, K.B.C. London: Richard Bentley.
- IKMAS. 2005. *Panduan Diploma Pengajian Islam dan Dakwah*.
- IKMAS. 2010. *Panduan Program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI)*.
- IKMAS. 2013. *Buku Majlis Konvokesyen IKMAS ke 11*.
- Ismail Abdul Rahman dan Mohd Nasir Omar. 1991. *Islam, Cabaran dan Isu Semasa*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juanda Jaya. 2003. *Dakwah Islamiah di Sarawak: Kajian Terhadap Pengurusan Dakwah Secara Berorganisasi*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karia Rahmat. 2000. *Dakwah kepada masyarakat Iban di Simunjan, Sarawak*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Katisa Binti Mohd Intai @ Henry Intai. 2013. Pelajar Program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI) Sesi 2012/2013, IKMAS Kuching. Temubual 31 Januari.
- Khaidir Ahmad. 1993. *Selamatkan Kaum Penan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Laporan Majlis Islam Sarawak (MIS) 1983.
- Md. Amin Haji Abdul Rahman. 2003. *Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak Sebelum Merdeka*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Mohd Fauzi Mohidin. 2002. *Pengurusan Saudara Baru*, Kuching. Temubual 17 Jun.
- Mohd Mortadza Daud. 1986. *Kegiatan dakwah dan permasalahannya di Sarawak*. Kertas kerja Seminar Pendidikan Islam Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Sarawak. Kuching, 17 - 22 November.
- Peter Tinggom. 1993. *Culture and unity*. Kertas kerja Seminar Budaya Iban. Kuching: Tun Jugah Foundation, 25 - 28 Jun.
- Rabaiee Fauzi. 2012. *Peranan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dalam melahirkan kader dakwah pasca sepuluh tahun bertapak di Bumi Kenyalang*. Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahibol Sharee. 2013. Penolong Pegawai BKLD IKMAS, Kuching. Temu bual 30 Mei.
- Shahrudin Md. Yusuf. 1990. *Tun Abdul Rahman Ya'kub: Sumbangan dan peranannya dalam pentadbiran dan politik dalam kerajaan Negeri dan Pusat*. Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suharman Edward. 2002. *Pengurusan Saudara Baru*, Kuching. Temu bual 20 Jun
- Syed Ali Ashraf. 1994. *Horizon baru dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ahmad Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.